

<sup>£</sup>  
**'£\$£2'** **PARLIMEN**

**Parlimen**  
**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI RABU: 23 NOVEMBER 2011**



## KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO.  
2,3,5,6 & 13 HINGGA 40 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 12  
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]**  
**TARIKH 23 November 2011 (Rabu)**

### **SOALAN**

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah prestasi kewangan bagi semua projek dalam rancangan Entry Point Projects (EPP) di bawah payung ETP setakat ini. Sila berikan bukti terkini secara kuantitatif.

### Jawapan

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, prestasi ETP dalam masa separuh tahun 2011, Malaysia telah berjaya mencecah **pelaburan swasta bernilai RM51.2**

**billion** yang berjumlah **62% daripada sasaran tahunan**. Dan kita telah capai *Gross National Income (GNI)* jumlah **sehingga RM285 billion** yang berjumlah **56% daripada sasaran tahunan**. Seperti juga dengan pekerjaan, Malaysia telah menjana

sebanyak **344,100 pekerjaan** yang berjumlah **50% daripada sasaran tahunan**. Angka-angka pekerjaan ini perlu disahkan sekali lagi oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

**No. SOALAN: 2**

Kerajaan akan memantau kemajuan ETP setiap tahun untuk memastikan pelaksanaan berlaku dan hasilnya akan diterbitkan dalam laporan tahunan ETP yang akan dikeluarkan pada suku pertama tahun 2012 untuk menunjukkan prestasi ETP pada tahun 2011.

Di bawah ETP, Kerajaan memainkan peranan sebagai fasilitator terhadap syarikat swasta untuk memudahkan pelaburan oleh syarikat-syarikat dalam dan luar negeri supaya ia mendorong kepada penambahan Pendapatan Negara Kasar (PNK) dan juga bilangan pekerjaan berpendapatan tinggi untuk kebaikan ekonomi negara secara keseluruhan.

Mesyuarat jawatankuasa pemandu (steering committee) meneliti memantau projek-projek permulaan yang terhasil daripada ETP dijalankan setiap bulan bagi memastikan supaya pelaburan-pelaburan dan projek-projek tersebut diimplementasi secara lancar kerana kesemua projek tersebut memainkan peranan yang penting sebagai "catalyst" kepada penjana ekonomi negara. Oleh kerana projek-projek di bawah ETP ini dimiliki oleh syarikat-syarikat swasta, risiko kewangan atau "financial risk" adalah di bawah tanggungan syarikat-syarikat swasta tersebut.



**NO. SOALAN: 3**

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS \_ (2011)**

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' LILAH BIN YASIN [ JEMPOL ]

TARIKH 23 NOVEMBER 2011 [RABU]

SOALAN :

DATO' LILAH BIN YASIN [ JEMPOL ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- a) apakah usaha Kerajaan untuk memperkasakan JAKIM termasuk menambah bilangan pegawai-pegawai; dan
- b) adakah Kerajaan akan menubuhkan jabatan-jabatan JAKIM di negeri-negeri seluruh negara bagi meningkatkan Syiar Islam dan mengatasi cabaran-cabaran semasa.

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI  
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa asas kepada bidang kuasa pembangunan hal ehwal islam di Malaysia telah diperuntukkan secara jelas dalam sistem perundangan negara. Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa agama Islam adalah agama bagi persekutuan. Walau bagaimanapun pengurusan agama Islam diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Negeri di mana Raja-Raja Melayu adalah Ketua Agama Islam di negeri masing-masing.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) merupakan agensi pengurusan hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan dan menjadi urus setia kepada Majlis kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Pada masa ini, JAKIM melaksanakan tiga fungsi berikut:

- a. penggubalan dan penyeragaman undang-undang syarak;
  - b. penyelarasan pentadbiran Islam; dan
  - c. penyelarasan dan pembangunan pendidikan Islam.
- b) Berkenaan cadangan agar JAKIM menubuhkan jabatan-jabatan JAKIM di negeri-negeri seluruh negara, hal ehwal agama merupakan kuasa mutlak sesebuah negeri. Walau bagaimanapun JAKIM berterusan berusaha untuk membantu hal ehwal kemajuan dan pembangunan



agama Islam melalui penyelarasan dengan setiap negeri.

Pada masa yang sama, JAKIM di peringkat Persekutuan sentiasa dimantapkan dari semasa ke semasa sesuai dengan cabaran- cabaran global yang dihadapi oleh umat Islam.

Sekian, terima kasih.

**Soalan No : 5**

**PEMBER1TAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH (KALABAKAN)
TARIKH	23.11.2011

**SOALAN:**

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [ KALABAKAN ] minta Menteri Pelajaran menyatakan dalam usaha menyerapkan Guru-guru sandaran ke perkhidmatan tetap apakah ada kriteria atau syarat khusus yang mesti dipenuhi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Terdapat dua (2) kategori guru sandaran yang berkhidmat di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), iaitu Guru Sandaran Terlatih (GST) dan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT).

Untuk makluman, guru-guru terlatih lepasan Institut Pendidikan Guru (IPG) adalah dilantik secara sandaran sebelum dilantik ke jawatan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP). Guru-guru tersebut dikategorikan sebagai Guru Sandaran Terlatih (GST). Pelantikan secara sandaran yang dilakukan oleh pihak KPM adalah bagi mempercepat pengisian kekosongan jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Ini adalah supaya proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dapat dilaksanakan di sekolah. Proses lantikan ke jawatan tetap perlu melalui proses temuduga dan hanya pihak SPP

sahaja yang diberi kuasa di bawah Perlembagaan Persekutuan Fasa 144 (1) bagi melantik calon-calon Pegawai Perkhidmatan Pendidikan ke dalam perkhidmatan tetap Kerajaan. Proses pelantikan guru-guru ini adalah mengikut prosedur seperti pelantikan penjawat-penjawat awam yang lain.

Bagi tujuan perlantikan GSTT pula, calon perlu memenuhi beberapa **syarat asas** iaitu berumur kurang 35 tahun, memperoleh kepujian mata pelajaran Bahasa Malaysia peringkat SPM dan berkhidmat sekurang-kurangnya 2 tahun termasuk pada tahun 2010. Di samping itu, terdapat **syarat opsyen bagi pelantikan GSTT Bukan Siswazah** untuk mengikut Program Sarjana Muda, iaitu kepujian Bahasa Malaysia di peringkat SPM dan setara serta kepujian minima dalam mata pelajaran opsyen atau Gred E di peringkat STPM atau Diploma yang sesuai dengan opsyen. Manakala bagi **GSTT siswazah untuk mengikuti KPLI/DP pula perlu memiliki** Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan dan sesuai dengan opsyen yang dipohon. Kementerian juga ingin menegaskan bahawa calon-calon juga perlu mematuhi syarat-syarat umum berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan KPM Bil. 1/2007.

Sehingga **18 Ogos 2011** seramai **7,920** orang telah dilantik semula sebagai Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) di seluruh negara termasuk di Sabah. Dari jumlah itu, seramai **1,258** orang sedang mengikuti Kursus Dalam Cuti melalui mode KPLI-KDC ataupun KDPM-KDC. Manakala **862** orang yang telah ditawarkan tidak melaporkan diri untuk bertugas.

Rjm 100

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**NO SOALAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI**  
**(GOMBAK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23.11.2011**

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan bagi mengekang kadar inflasi yang telah meningkat ke kadar tertinggi sepanjang 25 bulan yang lalu pada bulan Mei 2011 yang mencecah kadar 3.3 peratus. Apakah tindakan Kerajaan untuk membendung kenaikan harga barangan pengguna.

#### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak suku tahun kedua 2009, kadar inflasi bulanan telah mencatat penurunan seiring dengan kemelesetan ekonomi global. Walau bagaimana pun, inflasi telah mula mencatatkan peningkatan mulai pertengahan tahun 2010, apabila harga komoditi global terutamanya bahan api dan komoditi makanan meningkat berikutan pemulihan ekonomi global. Tren peningkatan yang berterusan ini telah menyebabkan harga runcit terus meningkat.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan telah mengambil dan meneruskan beberapa langkah untuk meringankan beban rakyat termasuk pemberian subsidi barangan keperluan pengguna seperti beras (ST15), gula dan petrol. Disamping itu, Kerajaan turut memperkenalkan Kedai Rakyat IMalaysia (KR1M) dan

Menu Rakyat iMalaysia. Ini bagi meningkatkan kuasa beli pengguna dengan mendapatkan alternatif yang lebih murah berbanding harga pasaran biasa. Selain itu, Kerajaan terus memberi subsidi penggunaan elektrik di bawah RM20.

3. Dalam Belanjawan 2012, Kerajaan telah mengumumkan pemberian bantuan RM500 kepada isi rumah berpendapatan RM3,000 ke bawah, menghapuskan yuran sekolah, bantuan tunai RM100 untuk pelajar sekolah dan baucer buku RM200 kepada penuntut IPT. Kerajaan juga meneruskan program subsidi, insentif dan bantuan lain kepada rakyat berjumlah RM33.2 bilion.
4. Dalam usaha meningkatkan kepenggunaan di Malaysia serta mendidik rakyat untuk menjadi pengguna bijak, Kerajaan telah mewujudkan portal interaktif "iMalaysia Pengguna Bijak" . Akta-akta baru juga diperkenalkan seperti Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2010 serta Akta Persaingan 2010 dalam menjaga kepentingan rakyat.
5. Dari segi penawaran, Kerajaan telah mengumumkan untuk melaksanakan Dasar Agro Makanan 2011-2020 bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi, meningkatkan nilai ditambah, melengkap dan

memperkukuhkan rantai bekalan.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan merangkumi jangka pendek dan panjang bertujuan mengurangkan kesan inflasi akibat kenaikan harga serta meringankan kos beban hidup rakyat secara keseluruhannya. Pada masa ini, Kerajaan sedang menangani isu bekalan. Bagaimanapun aktiviti penguatkuasaan dan pendidikan pengguna amatlah penting dalam memantau dan mengekang kenaikan harga yang tidak terkawal dan membebankan rakyat.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHANONN [ALORGAJAH]

TARIKH JAWAPAN : 23 NOVEMBER 2011 (RABU)  
DI DEWAN RAKYAT

#### SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apa tindakan telah diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan dakwaan kecurian elektrik TNB terhadap pengguna-pengguna yang mana mereka mengadu bahawa penalti yang dikenakan adalah tidak berpatutan, di

**NO. SOALAN: 13**

samping itu apa tindakan akan diambil oleh Kementerian untuk menjamin keadilan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Terlebih dahulu, Kementerian ingin menasihatkan para pengguna agar tidak terlibat dengan pengusikan meter kerana selain membawa kepada risiko kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda, ianya boleh mengancam keselamatan dan ekonomi negara sekiranya perkara ini tidak dibendung.

Perlu ditekankan, tindakan pengusikan meter merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 37(3) Akta Bekalan Elektrik 1990. Pihak TNB berhak untuk memotong bekalan dan menuntut kembali apa-apa kerugian hasil daripada tindakan pengusikan ke atas pemasangan TNB selaras dengan peruntukan seksyen 38(3) Akta Bekalan Elektrik 1990.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Surat tuntutan kehilangan hasil yang dikeluarkan oleh TNB bukanlah penalti seperti yang didakwa. Tuntutan tersebut dibuat akibat usikan



meter

oleh pengguna dan pihak TNB berhak mendapatkan semula unit (hasil) yang tidak direkodkan oleh meter (yakni yang terkurang caj) serta kos operasi yang terlibat seperti penukaran meter baru. Seperti mana yang diperuntukkan di bawah undang-undang, pihak TNB boleh menuntut kembali apa-apa kerugian yang bermula daripada *sudden drop* (dengan izin) yang direkodkan oleh meter TNB sehingga tarikh pemeriksaan dijalankan. Adalah menjadi tanggungjawab sebagai pengguna untuk menjelaskan bayaran, termasuk yang terkurang caj bagi bekalan elektrik yang telah dibekalkan seperti mana diperuntukkan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990.

Namun begitu, sebelum sebarang tuntutan dibuat, pihak TNB akan menjalankan pemeriksaan rapi ke atas sesuatu premis terlebih dahulu. Sekiranya terdapat bukti kukuh pengusikan meter berlaku, surat tuntutan akan dikeluarkan kepada pengguna. Pengguna yang menerima surat tuntutan adalah dinasihatkan untuk menghubungi pegawai TNB yang tertera di dalam surat tuntutan bagi mendapatkan penjelasan. Pihak TNB bersedia mempertimbangkan rayuan pengguna berasaskan bukti yang sah serta

berunding dengan pengguna dengan menawarkan bayaran ansuran bagi kemudahan pengguna.

Namun, sekiranya rundingan yang diadakan di antara pengguna dan TNB tidak dapat memuktamadkan persetujuan, pihak TNB terpaksa menuntut kehilangan hasil melalui saluran perundangan seperti yang diperuntukkan di dalam peruntukan Akta Bekalan Elektrik. Pihak Kementerian melalui Suruhanjaya Tenaga sentiasa memantau pengendalian kes usikan meter oleh TNB bagi memastikan pematuhan tatacara (*Standard Operating Procedure, SOP*) di tahap maksima. Ini bagi memastikan ianya dijalankan dengan berhemah, telus dan adil.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT. MALAYSIA : LISAN**

**. PERTANYAAN TUAN MANICKAVASAGAM A/L  
DARIPADA SUNDARAM**

**: KAPAR**

**: KAWASAN T 23.11.2011 (Rabu)**

**ARIKH NO.**

**SOALAN**

**TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM minta MENTERI  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan  
jumlah kilang-kilang industri yang telah memberhentikan operasi  
masing-masing di Malaysia dan berpindah ke negara lain dari tahun  
2003 hingga 2010.**

**Jawapan:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Untuk makluman Ahii Yang Berhormat, bagi tempoh 2003 hingga 2010, terdapat 240 syarikat telah memberhentikan operasi perniagaan mereka di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 134 syarikat adalah milik asing dan 106 adalah milik tempatan. Hanya 23 daripada 240 syarikat yang menutup operasinya di Malaysia telah berpindah ke luar negara iaitu China (14), Thailand (4), Indonesia (3) dan Viet Nam (2). Daripada 23 syarikat-syarikat tersebut, 21 syarikat adalah milik asing dan 2 syarikat milik tempatan yang berpindah ke Batam, Indonesia. Antara sebab-sebab utama syarikat- syarikat berkenaan memberhentikan operasi mereka adalah kerana masalah pasaran dan kewangan.**

SOALAN NO: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH**

**PAIRIN KITINGAN TARIKH:**

**23 NOVEMBER 2011**

**SOALAN:**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ] minta**

MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan mengenai kesudahan perbincangan di antara Kerajaan Malaysia-Indonesia mengenai isu pengambilan pembantu rumah warga Indonesia di negara ini.

PR-1243-L45985

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak kerajaan Malaysia telah menandatangani protokol pindaan Memorandum Persefahaman (Moll) berhubung Pengambilan dan Penempatan Pembantu Rumah Indonesia (PRI) dengan pemerintah Republik Indonesia pada 31 Mei 2011 yang lalu.

|

Kedua-dua negara telah bersetuju untuk menubuhkan satu jawatankuasa kerja atau *Joint Task Force* (JTF) yang akan menggerakkan usaha pelaksanaan pindaan Moll tersebut. Sehingga kini, sebanyak 2 sesi pertemuan di antara ahli jawatankuasa kerja atau *Joint Task Force* (JTF) telah diadakan oleh pihak Malaysia iaitu pada 21 Julai 2011 dan 13 September 2011 bagi memperhalusi pelaksanaan protokol pindaan Moll tersebut.

2. Pasukan JTF Malaysia juga telah mengadakan pertemuan dengan pasukan JTF Indonesia pada 27 hingga 30 Julai 2011 dengan tujuan untuk merapatkan hubungan dan kerjasama agar pelaksanaan Moll di antara kedua-dua negara dapat berjalan dengan lancar.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Hasil JTF akan dibentangkan kepada kedua-dua pemimpin negara di Bali pada 18 November 2011. Kedua-dua pemimpin berpuas hati dengan mekanisme pelaksanaan dan pembekuan penghantaran PRI ke Malaysia ditarik balik mulai 1 Disember 2011.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN**  
**PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN**  
**KEDUA BELAS \_\_\_\_\_ (2011-BAJET) \_\_\_\_\_**

**PERTANYAAN            LISAN**

**DARIPADA            YB TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI)**

**TARIKH                23 NOVEMBER 2011 (RABU)**

**SOALAN:**

**YB TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI) minta PERDANA MENTERI menyatakan secara jelas keperluan ceramah-ceramah bermotifkan**

**NO. SOALAN: ^**

politik yang menyeru kepada penyatuan UMNO dan PAS dalam kursus penghayatan nilai-nilai Islam kepada imam-imam dan pegawai masjid seluruh negara pada 24 hingga 26 Julai lalu.

**JAWAPAN: (YB SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan dari semasa ke semasa menganjurkan ceramah dan kursus penghayatan nilai-nilai Islam kepada imam dan pegawai masjid seluruh negara, yang bertujuan untuk menyatukan ummah tidak mengira latar belakang politik mereka. Usaha ini diteruskan dengan kerjasama berbagai pihak termasuk antara agensi kerajaan bagi memastikan matlamat kursus dapat dicapai ke arah perpaduan ummah dan kemajuan serta kestabilan negara.

Sekian, terima kasih.





**SOALAN NO: 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.  
MENTERI KESIHATAN MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA TUAN WILLIAM@NYALLAU ANAK BADAK**  
**[LUBOKANTU]**  
**TARIKH 23 NOVEMBER 2011**  
**SOALAN**

**Tuan William@Nyallau Anak Badak [Lubok Antu]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bolehkah para pesakit dari kawasan Lubok Antu mendapatkan pemeriksaan pakar di Klinik Desa pekan Lubok Antu dengan menghantar doktor pakar ke Lubok Antu 1 atau 2 kali seminggu untuk mengurangkan kesesakan dan beban kos yang ditanggung oleh pesakit-pesakit ke Hospital Sri Aman.

**Tuan Yang di-Pertua**

Pekan Lubok Antu mempunyai sebuah Klinik Kesihatan Lubok Antu yang menyediakan perkhidmatan perubatan dan kesihatan asas kepada seramai 6,819 penduduk di sekitarnya. Klinik ini dikendalikan oleh Penolong Pegawai Perubatan dan tidak terdapat Pegawai Perubatan.

Buat masa ini, perkhidmatan Pegawai Perubatan di Klinik Kesihatan Lubok Antu tidak dapat dilakukan dengan menggunakan Pegawai Perubatan dari Klinik Kesihatan Sri Aman kerana 3 orang Pegawai

|

Perubatan yang sedia ada masih tidak mencukupi. Manakala, Hospital Sri Aman mempunyai 5 Pegawai Perubatan dan seorang Pakar Sakit Puan dan seorang

Pakar Perubatan dengan kedatangan pesakit harian seramai 600 orang. Pejabat Kesihatan Bahagian Sri Aman merancang untuk memberi perkhidmatan Pegawai Perubatan di Klinik Kesihatan Lubok Antu secara lawatan seminggu sekali sekiranya ada 4 orang atau lebih Pegawai Perubatan di Klinik Kesihatan Sri Aman.

Pihak Kementerian bawah penempatan Pegawai Perubatan pada masa yang akan datang akan cuba menempatkan lebih ramai Pegawai Perubatan di negeri Sarawak bagi memastikan perkhidmatan Pegawai Perubatan di Negeri Sarawak, amnya, dan di Klinik Kesihatan Lubok Antu khususnya, dapat ditempatkan, bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan taraf kesihatan penduduk di sini, tetapi juga dapat mengurangkan kos penduduk setempat untuk mendapatkan rawatan doktor yang pada masa sekarang ini hanya terdapat di Klinik Kesihatan Sri Aman.

Mengikut Dasar Pengoperasian Perkhidmatan di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia, pakar perubatan di hospital tidak membuat lawatan berjadual ke Klinik Kesihatan (KK). Ini kerana mereka perlu menumpukan perhatian kepada kes-kes rumit yang memerlukan rawatan kepakaran di hospital.

Klinik Kesihatan Pekan Lubok Antu kini dikendalikan oleh Penolong Pegawai Perubatan. Perkhidmatan makmal dan farmasi telah disediakan mulai pertengahan tahun 2011 sebagai persediaan untuk menambahbaik kemudahan kesihatan kepada tahap rawatan pegawai perubatan di masa akan datang.



Sementara itu, bagi pesakit yang memerlukan pemeriksaan dan rawatan lanjut, kes-kes boleh dirujuk ke Klinik Kesihatan Sri Aman yang mempunyai pegawai perubatan, atau ke Jabatan Kecemasan & Trauma, Hospital Sri Aman.

NO. SOALAN : 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

LISAN

PERTANYAAN TUAN TAN TEE BENG [ NIBONG TEBAL ] 23.11.2011(RABU)

DARIPADA

TARIKH

TUAN TAN TEE BENG [ NIBONG TEBAL ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan barang- barang keperluan seperti ayam, daging, tepung dan sebagainya sentiasa diragui sama ada mencukupi setiap kali musim perayaan tiba. Adakah sebenar- benarnya bekalan negara mencukupi dan apakah perancangan Kementerian bagi meyakinkan rakyat yang kepentingan rakyat sentiasa didahulukan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bekalan barang-barang keperluan untuk musim perayaan seperti ayam, daging, tepung, minyak masak, gula dan sebagainya adalah mencukupi untuk musim perayaan ini. Ini terbukti pada musim perayaan yang lepas iaitu Hari raya Puasa, tiada isu kekurangan bekalan barang keperluan.

Antara tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi isu kekurangan bekalan keperluan adalah seperti berikut:-

1. Mewartakan barangan keperluan sebagai barang kawalan musim perayaan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Melalui perwatakan ini dapat membendung aktiviti penyorokan dan penyatuan di kalangan peniaga yang tidak bertanggungjawab.
2. Menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dengan dianggotai oleh Kementerian-kementerian dan agensi-agensinya yang berkaitan. Jawatankuasa Kabinet ini berfungsi untuk mengenalpasti mekanisme bagi mengatasi masalah gangguan bekalan dan isu kenaikan harga barangan keperluan.
3. Mewujudkan bilik pusat operasi di Ibu Pejabat dan Pejabat PDNKK Negeri dan Daerah bagi memantau dan mengumpul maklumat kedudukan semasa bekalan barang keperluan.
4. Mewujudkan mini stok di peringkat pemborong dan peruncit untuk menampung permintaan yang berlebihan dari pengguna.
5. Meningkatkan pemeriksaan di semua peringkat perniagaan bagi memastikan tiada pembelian berlebihan dari pengguna (panic buying)
6. Mengetatkan kawalan di sempadan melalui kerjasama dengan Kastam Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia untuk membanteras penyeludupan gula dan minyak masak ke negara jiran. Ini adalah kerana harga gula dan minyak di negara kita lebih murah berbanding negara jiran.

**SOALAN NO: 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN ]**

**TARIKH**

**23 NOVEMBER 2011 ( RABU )**

**SOALAN:**

**Datuk Bung Moktar Bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan:-

- (a) kelewatan pengagihan komputer 1 Malaysia kepada pengguna awam; dan
- (b) sejauh manakah program ini dilaksanakan di daerah Kinabatangan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melaksanakan pengagihan Komputer Riba 1 Malaysia yang melibatkan tiga (3) fasa pengagihan. Setakat ini sebanyak 472,900 unit komputer telah diagihkan keseluruh negara yang melibatkan kos sebanyak RM473 juta.

Untuk daerah Kinabatangan, Setakat ini Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan di bawah Program Netbook 1 Malaysia

**SOALAN NO: 19**

telah mengedarkan sebanyak 3,187 unit komputer riba 1 Malaysia yang telah diagihkan kepada pelajar sekolah manakala sebanyak 6,000 unit lagi telah diperuntukkan untuk agihan kepada pelajar sekolah dan pengguna awam yang layak.



**NO SOALAN: 20**

**PEMBERITAHUAN**  
**PERTANYAAN DEWAN**  
**RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** Y.B TUAN WILLIAM LEONG  
JEE KEEN  
(SELAYANG)

**TARIKH** 23.11.2011  
(RABU)

**SOALAN :**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah yang dicadangkan untuk pembelian jet pejuang dan sebab-sebab untuk menanggung perbelanjaan ini apabila negara menghadapi kesulitan ekonomi.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memerlukan sekurang-kurangnya satu skuadron tambahan pesawat pejuang *Multi Role Combat Aircraft* (MRCA) baru yang berfungsi untuk pertahanan hadapan negara. Ini adalah penting bagi mengurangkan jurang keupayaan TUDM sejajar dengan perkembangan teknologi dan perubahan senario pertahanan serantau sejajar dengan plan strategi 4D MAF. Untuk menangani masalah kesulitan ekonomi, Kementerian bercadang untuk memanjangkan tempoh bayaran dalam jangka masa 3 RMK bagi perolehan tersebut.

Pembelian ini juga menjana perkembangan ekonomi kerana akan mengakibatkan program *counter trade* dan *offset*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**JAWAB LISAN TUAN DING**

**TARIKH**

**KUONG HUNG 23 NOVEMBER**

**SOALAN**

**2011 (RABU) NO. 21**

**Tuan Ding Koung Hiing [ Sarikei ] minta MENTERI PENGAJIAN  
TINGGI menyatakan:**

- a) **Langkah-langkah atau prosedur mendirikan sebuah Kolej Komuniti; dan**
- b) **Status pembinaan kolej komuniti di Bintangor, Sarikei dalam rolling plan kedua seperti dijanjikan dan jumlah anggaran peruntukan yang telah dirancang dan disediakan untuk pembinaan tersebut.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- a) **Penubuhan sesebuah kolej komuniti dibuat berdasarkan kesesuaian dan keperluan setempat serta kemampuan kewangan semasa Kerajaan.**

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 4 November 2011, Kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan Kolej Komuniti Cawangan di Sarikei. Susulan daripada itu, pihak Kementerian akan menentukan premis dan kursus yang bersesuaian untuk dilaksanakan di Kolej Komuniti tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ]

TARIKH

23 November 2011 (Rabu)

SOALAN

22

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan sama ada Kementerian telah memberi kebenaran kepada AirAsia Bhd dan AirAsia X Sdn Bhd mengenakan bayaran RM8 untuk Yuran Convenience, RM10 untuk kaunter Check-In, RM50 untuk tempatduduk bayi bagi AirAsia dan RM125 untuk AirAsia X Sdn Bhd, RM12 untuk kerusi roda dan lain-lain serta apakah jumlah keseluruhan wang cukai lapangan terbang yang terlibat *no-show passenger* bagi kedua-dua syarikat dari tarikh operasi sehingga September 2011 dan sama ada cukai lapangan terbang yang dikutip akan dikembalikan kepada penumpang-penumpang tersebut secara automatik.  
Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, pengenaan bayaran

oleh AirAsia dan AirAsia X sebanyak RM8 untuk Yuran *Convenience*, RM10 untuk kaunter *Check-In*, RM50 untuk tempat duduk bayi bagi AirAsia dan RM125 untuk AirAsia X Sdn Bhd, RM12 untuk kerusi roda dan lain-lain adalah merupakan caj dan fi komersial yang ditetapkan oleh syarikat penerbangan tersebut sendiri dan di luar bidang kuasa Kementerian.

Berhubung jumlah keseluruhan wang cukai lapangan terbang yang terlibat bagi *no-show passenger* untuk AirAsia Bhd dari 1 May 2002 sehingga Ogos 2011 adalah sebanyak RM 6,432,697.00. Manakala, jumlah keseluruhan wang cukai lapangan terbang yang terlibat bagi *no-show passenger* untuk AirAsia X dari November 2007 hingga September 2011 adalah sebanyak RM498,000.00.

Berhubung sama ada cukai lapangan terbang yang dikutip akan dikembalikan kepada penumpang-penumpang tersebut secara automatik, buat masa ini, pemulangan cukai lapangan terbang bagi *no-show passenger* dilakukan oleh syarikat-syarikat penerbangan bagi pihak operator lapangan terbang sekiranya penumpang membuat tuntutan. Sekiranya tiada tuntutan dibuat oleh penumpang selepas tempoh 12 bulan, syarikat penerbangan perlu memulangkan cukai lapangan terbang tersebut kepada operator lapangan terbang dan seterusnya ianya akan diserahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.



NO. 10A\ -AM' 2\*  
NO: AUM i 1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**

**DARIPADA LISAN DATUK SERI PANGLIMA WILFRED  
MOJILIP BUMBURING [TUARAN]**

**TARIKH**

**23 NOVEMBER 2011**

**RUJUKAN**

**4209**

**SOALAN:**

**Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa ramai pendatang asing tanpa izin yang telah ditempatkan di rumah pangsa di Telipok Ria dan Sri Rugading di daerah Tuaran telah memiliki kad pengenalan Malaysia dan sudah berdaftar sebagai pengundi.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tuaran yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri tidak mengeluarkan kad pengenalan bertaraf warganegara (MyKad) kepada pendatang asing tanpa izin (PATI). Pemberian taraf kewarganegaraan adalah hanya kepada warga asing yang berkelayakan sepertimana yang diperuntukkan di Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

Berhubung isu penempatan PATI di Telipok Ria dan di Sri Rugading pula, Kementerian tidak pernah menjadikan penempatan- penempatan tersebut sebagai Pusat Tahanan Sementara sebelum mereka yang terlibat di hantar ke negara asal dan Kementerian juga tidak menyimpan rekod mengenainya. Bagi tujuan pengesahan pendaftaran pemilih mereka pula, perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

**SOALAN N0.24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA YB TUAN AMRAN BINAB GHANI**

**[TANAH MERAH]**



**TARIKH**

**23 NOVEMBER 2011**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) jumlah peruntukan di bawah Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen yang diterima oleh Pejabat Kemajuan Jajahan Tanah Merah pada tahun 2008, 2009 dan 2010; dan
- (b) nyatakan butiran projek di bawah peruntukan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 2008 yang lalu, sebanyak **324 program/projek bernilai RM1.29 juta** telah dibelanjakan di kawasan Parlimen Tanah Merah di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen. Bagi tahun 2009 pula, sebanyak **111 program/projek bernilai RM500,000.00** manakala bagi tahun **2010 sebanyak 34 program/projek bernilai RM300,000.00** telah dilaksanakan. Ringkasan program/projek dan kos untuk tahun 2008, 2009 dan 2010 mengikut kategori adalah seperti berikut:

Tahun	2008		2009		2010	
	Bil	Peruntukan (RM)	Bil	Peruntukan (RM)	Bil	Peruntukan (RM)
<b>i. Penganjuran program:</b>						
- Majlis Pemimpin Bersama Rakyat	4	19,800.00	1	13,000.00	-	-
- Aktiviti sukan / sosial /ilmiah	26	127,000.00	5	34,300.00	-	-
<b>ii. Bekalan :</b>						
- Sistem pembesar suara	2	23,976.00	-	-	-	-
- Peralatan/kerusi/ karpit/mesin rumput dsb	36	233,500.00	17	55,000.00	1	3,600.00
<b>iii. Projek Infrastruktur</b>						
- Baiki rumah/ Siling madrasah / Tandas	2	4,500.00	-	-	-	-
- Parit/Longkang	1	14,000.00	-	-	-	-
<b>iv. Bantuan / Sumbangan</b>						
- Program Sosial/Kebajikan/lbu Tunggal	55	337,100.00	28	180,500.00	5	14,600.00
- Program Latihan / Keagamaan / Ilmiah	174	374,950.00	40	125,400.00	9	30,900.00
- Sambutan Perayaan	3	25,000.00	5	22,200.00	3	47,400.00
-NGO	7	26,500.00	1	2,000.00	1	5,000.00
- Kelab Sukan dan Kebajikan & Sekolah (PIBG/Lawatan Sambil Belajar)	10	41,400.00	5	7,800.00	10	172,600.00
- Pelbagai Peralatan	3	18,000.00	2	8,300.00	3	15,500.00
- Kecemasan	1	50,000.00	4	5,000.00	1	7,900.00
- Projek ekonomi/ Membiayai Projek Fizikal	-	-	5	46,500.00	1	2,500.00
<b>JUMLAH</b>	<b>324</b>	<b>1,295,726.00</b>	<b>113</b>	<b>500,000.00</b>	<b>34</b>	<b>300,000.00</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

JAWAB LISAN

PERTANYAAN    DATO' SERI TIONG KING SING 23 NOVEMBER  
DARIPADA        2011 (RABU) NO. 25  
TARIKH  
SOALAN          Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI  
PENGAJIAN TINGGI menyatakan:

- (a) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan bagi menyelaraskan kemasukan pelajar ke IPTA dan IPTS bagi negeri Sarawak pada masa akan datang; dan
- (b) mengapakah kemasukan pelajar ke IPTS ini tidak diseragamkan khususnya bagi negeri Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

**Pada masa ini, Kementerian belum bercadang untuk menyelaraskan kemasukan pelajar ke IPTA dan IPTS di seluruh negara termasuk di negeri Sarawak. Proses kemasukan pelajar ke IPTA dilaksanakan oleh Kementerian secara berpusat, manakala kemasukan ke IPTS dilaksanakan oleh institusi masing-masing. Proses kemasukan yang dikendalikan sendiri oleh IPTS bertujuan untuk memastikan IPTS tersebut berupaya mengekalkan kualiti dan menawarkan kos yang**

**berpatutan bagi sesuatu program pengajian yang ditawarkan. Bagi memastikan program pengajian yang ditawarkan berkualiti, Kementerian juga turut memantau dan mengawal proses pengambilan pelajar IPTS melalui penetapan syarat-syarat kelayakan masuk bagi sesuatu program pengajian.**



SOALAN NO: 26

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM  
[BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH : 23 NOVEMBER 2011

: TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM [ BANDAR TUN RAZAK ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sehingga hujung tahun ini TEKUN Nasional dijangka membeianjakan RM2 bilion untuk memberi pinjaman kepada 190,890 orang di seluruh Malaysia. Berapa peratusan dari pinjaman TEKUN telah diklasifikasikan sebagai 'hutang lapuk' atau '*bad debt*'.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
SOALAN

Tuan Yang Dipertua,

Secara keseluruhan sejak penubuhan sehingga 31 Julai 2011, TEKUN Nasional telah menyalurkan sejumlah 238,819 pinjaman bernilai RM 1,787,297,200 kepada seramai 190,890 orang usahawan di seluruh negara.

Klasifikasi hutang lapuk adalah hutang pinjaman tidak berbayar ( NPL ) yang

tertunggak melebihi 24 bulan dan telah dipersetujui oleh pihak pengurusan dan mendapat kelulusan Ahli Lembaga Amanah TEKUN Nasional untuk dikategorikan sebagai hutang lapuk. Sehingga Jun 2011 jumlah hutang yang dikategorikan sebagai hutang lapuk adalah sebanyak RM 157.81 juta iaitu 8.8 % daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan. Walau bagaimanapun, kutipan bayaran balik pinjaman tetap dilaksanakan dan jumlah yang berjaya dikutip semula adalah sebanyak RM33.09 juta.

SOALAN NO: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

W0  
£0/VA tJ' ^  
NO. AUM:-29

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ] 23  
TARIKH NOVEMBER 2011  
4211  
RUJUKAN  
SOALAN:

Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah strategi Kerajaan di dalam membuka peluang kepada pendatang asing tanpa izin (PATI) untuk didaftarkan menerusi program pemutihan 6P yang baru tamat tempoh tersebut, apakah ianya akan membuka pula peluang penyalahgunaan permit kerja oleh PATI yang didaftarkan.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Libaran yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melaksanakan Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja Asing Tanpa Izin atau Program 6P yang terdiri daripada Pendaftaran, Pemutihan, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran. Proses Pendaftaran PATI iaitu fasa pertama dalam Program 6P telah dilaksanakan pada 1 hingga 31 Ogos 2011.

**Tuan Yang Di-pertua,**

Hasil positif Program 6P adalah seperti berikut:

- a. Pendaftaran seramai 2,320,034 orang PATI dan pekerja asing sah telah berdaftar melalui sistem biometrik. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,303,126 (56%) adalah PATI dan seramai 1,016,908 orang (44%) pula adalah pekerja asing yang sah.
- b. Pemutihan sehingga 14 November 2011 melibatkan 43,975 orang PATI dengan jumlah majikan seramai 3,646.
- c. Pengampunan sehingga 14 November 2011 telah merekodkan sejumlah 33,016 orang telah keluar melalui 18 pintu keluar; dan
- d. Penguatkuasaan oleh JIM sehingga 14 November 2011 telah diadakan sebanyak 157 operasi, pemeriksaan ke atas 4,293 orang PATI dan sebanyak 645 orang PATI dan 18 orang majikan ditahan.

Kaedah untuk memastikan tiada insiden salah guna permit adalah melalui pendaftaran data biometrik cap jari yang tidak boleh dipalsukan dan seterusnya isu pemalsuan identiti dan dokumen perjalanan dapat dikesan. Kerajaan sentiasa melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan untuk menangani isu kemasukan dan keberadaan warga asing secara tidak sah di njalam negara. Ini seterusnya mampu menyekat peluang penyalahgunaan permit kerja oleh PATI.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN	
DARIPADA	Y.B. DR. HIEW KING	CHEU
KAWASAN	KOTA KINABALU	
TARIKH	23 NOVEMBER 201 f	(RABU)

SOALAN :

Y.B. DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan bilakah jambatan dari Semporna ke Pulau Bum - Bum akan dibina.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Membina Jambatan Dari Semporna Ke Pulau Bum-Bum telah dikenalpasti oleh Kementerian sebagai antara projek yang berkeutamaan tinggi untuk dilaksanakan dalam

## SOALAN NO

RMKe-10. Sehubungan itu, Makmal Pengurusan Nilai telah diadakan pada awal Oktober 2011 yang bertujuan untuk memaksimumkan *value for money* dan meningkatkan keberkesanan pelaksanaan projek. Skop projek ini melibatkan pembinaan jambatan sepanjang 1.45 kilometer dan pembinaan jalan lingkar di Pulau Bum- Bum sepanjang 8 kilometer berdasarkan standard piawai JKR R5, 2 lorong 2 hala.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dalam *rolling plan* kedua, RMKe-10, projek ini telah diluluskan dengan skop reka bentuk dan menaiktaraf jeti sedia ada di Pulau Bum-Bum. Manakala pembinaan fizikal bagi projek ini akan dicadangkan ke *rolling plan* berikutnya, tertakluk kepada kelulusan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.



Soalan No : 29

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**  
PER LISAN  
DARIPADA TAN  
YAAN  
TARIKH Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN  
(HULU SELANGOR)  
23.11.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN [ HULU SELANGOR ]  
minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) jumlah peruntukan yang telah diagihkan dan penerima (berdasarkan kepada kaum) untuk perkara-perkara seperti berikut Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP), Biasiswa Kecil Persediaan, Universiti (BKPU), Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM); dan
- (b) apakah bantuan lain yang diberi kepada pelajar-pelajar untuk meringankan beban ibu bapa untuk menampung kos pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Kerajaan sememangnya sedar akan keperluan bantuan yang diberi dan disediakan kepada semua lapisan rakyat agar dapat menikmati pendidikan yang baik serta sempurna tanpa mengira bangsa, kaum dan agama. Antaranya adalah Program Susu 1 Malaysia (PS1M), Rancangan Makanan Tambahan (RMT), bantuan kewangan melalui Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dan Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) serta Biasiswa Kelas Persediaan Universiti (BKPM). Segala bentuk bantuan yang disediakan oleh kerajaan diharap dapat membantu dan memastikan semua lapisan rakyat mendapat pendidikan



yang lebih baik dan sempurna. Bagi keempat-mpat jenis bantuan tersebut peruntukan sebanyak RM571.17 juta dan lebih daripada 1.475 juta murid yang mendapat mememanfaatkannya.

- (b) Kerajaan turut juga menyediakan 18 lagi bantuan persekolahan antaranya Biasiswa Sukan, Elaun Pra Universiti, Elaun Murid Berkeperluan Khas, Yuran Khas Sekolah dan Bantuan Sukan Sekolah kepada murid berdasarkan kriteria-kriteria kelayakan yang ditetapkan bagi meringankan beban ibu bapa untuk menampung kos pendidikan. Justeru, sesungguhnya segala bentuk bantuan yang disediakan oleh KPM adalah terbuka kepada semua murid warganegara Malaysia yang bersekolah di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan bagi memastikan semua lapisan masyarakat dapat menikmati pendidikan yang berkualiti ke arah mencapai negara yang berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Soalan No : 30

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

DARIPADA PER LIPATAN LIPATAN  
TAN TAN  
YAA YAA  
N N

TARIKH Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID  
(KUALA LANGAT)

23.11.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [ KUALA LANGAT ] minta Menteri Pelajaran menyatakan rasional Unit Perancang Ekonomi (EPU) semasa meluluskan cadangan penswastan dengan nisbah agihan perkongsian perniagaan antara Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bersama Dawama Sdn Bhd yang masing-masing membawa nisbah masing-masing 20:80 bagi Judul Umum dan 30:70 bagi buku teks.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, agihan hasil antara Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Dawama bagi buku Judul Umum yang telah ditetapkan pada nisbah 20:80 adalah berdasarkan komposisi proses kerja penerbitan yang perlu dilaksanakan oleh kedua-dua belah pihak iaitu termasuk kos yang perlu dikeluarkan bagi setiap proses yang berkenaan. Dalam penerbitan sesebuah buku, DBP bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja editorial dan pihak Dawama pula bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pracetak, percetakan dan pemasaran.

Manakala bagi penerbitan buku teks pula, agihan hasil antara DBP dan Dawama telah ditetapkan pada nisbah 30:70. Pemberian 70% daripada hasil jualan kepada Dawama ialah kerana syarikat perlu mengeluarkan kos pracetak



(termasuk penyediaan reka bentuk, ilustrasi dan gambar), kos percetakan (termasuk pembelian kertas), kos pengangkutan dan bayaran komisen pengedaran kepada pengedar. Nisbah agihan hasil ini berbeza berbanding dengan buku Judul Umum disebabkan pihak Dawama tidak perlu mengeluarkan kos promosi dan diskaun jualan kepada pengedar kerana buku teks dipesan terus oleh kerajaan.



NO. SOALAN : 31

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN  
DARIPADA

LISAN  
DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI  
ABD.MUTTALIB [ MARAN ]

TARIKH

23.11.2011(RABU)

DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [ MARAN ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah langkah-langkah pihak Kementerian di dalam menangani penggunaan petrol bersubsidi oleh kenderaan asing dan apakah bentuk pelanggaran undang-undang yang sering dilakukan oleh kenderaan terlibat serta tindakan yang dikenakan. Setakat ini adakah usaha tersebut berjaya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dalam usaha untuk menangani penggunaan petrol bersubsidi oleh kenderaan asing, Kementerian telah mengeluarkan arahan larangan pembelian petrol dan diesel oleh kenderaan berpendaftaran asing seperti berikut:

- (a) Dilarang untuk membeli petrol RON95; dan
- (b) Dilarang membeli diesel

melebihi 20 liter pada satu-satu masa di  
stesen-stesen minyak dalam lingkungan 50km dari sempadan.

## SOALAN NO.

Kementerian ini juga menjalankan kerjasama bersepadu yang berterusan dengan beberapa agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Kastam Di Raja Malaysia, Jabatan Imegresen, Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dalam usaha-usaha menangani masalah penyeludupan barang-barang kawalan.

Selain itu, Kementerian dengan kerjasama pihak RELA telah melakukan kerja-kerja pemantauan di lapangan bagi menangani penggunaan petrol bersubsidi oleh kenderaan asing di sempadan Kelantan-Thailand. Sehingga kini, pasukan RELA telah ditempatkan di 28 buah stesen minyak di kawasan 10km di selatan sempadan Kelantan-Thailand. Hasil kerjasama berkenaan didapati terdapat penurunan pada kadar penjualan petrol RON95 kepada kenderaan asing di stesen-stesen minyak tersebut. Berdasarkan kepada keberkesanan kerjasama ini, Kementerian kini sedang mengkaji untuk memperluaskan pelaksanaanya ke negeri-negeri bersempadan yang lain.

Bagi tempoh 1 Jun hingga 11 September 2011 terdapat 46 kes yang telah dikesan dengan nilai sitaan berjumlah RM479,080.16. yang melibatkan kenderaan tempatan dan kenderaan asing dengan pelbagai kesalahan cubaan membawa bahan api bersubsidi ke negara jiran dan 26 buah stesen minyak telah disita.

Untuk makluman ahli dewan, antara bentuk pelanggaran undang-undang yang sering dilakukan ialah mengubahsuai tangki minyak, menggunakan tong berasingan dan membeli diesel lebih daripada 20 liter pada satu-satu masa bagi tujuan membawa bahan api bersubsidi ke negara jiran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR  
[ TUMPAT ]

TARIKH 23 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN

Dato' Kamarudin Bin Jaffar (Turnpat) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah penumpang keretapi di laluan Tumpat-Kuala Lumpur pada tahun 2007, 2008, 2009 dan 2010.



**SOALAN NO. 39**

**JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN**  
**PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KTM Antarabandar menawarkan perkhidmatan tren ekspres Senandung Wau dari Tumpat - Kuala Lumpur dengan jarak perjalanan sejauh 702.7 kilometer dan mengambil masa selama 13 jam 10 minit. KTM Antarabandar menyediakan dua larian tren bagi laluan ini iaitu tren nombor 28 dan 29. Terdapat 9 buah koc disediakan bagi laluan ini dan jadual pelepasan tren dibuat pada waktu malam memandangkan jarak perjalanan yang jauh.

Jumlah penumpang KTM Antarabandar bagi laluan Tumpat - Kuala Lumpur bagi tahun 2007 sehingga 2010 adalah seperti berikut:-

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN PENUMPANG</b>
2007	244,933
2008	236,854
2009	233,332
2010	227,324
<b>Jumlah</b>	<b>942,443</b>



### SOALAN NO. 39

KTM Antarabandar menawarkan perkhidmatan tren ekspres Senandung Wau dari Tumpat - Kuala Lumpur dengan jarak perjalanan sejauh 702.7 kilometer dan mengambil masa selama 13 jam 10 minit. KTM Antarabandar menyediakan dua larian tren bagi laluan ini iaitu tren nombor 28 dan 29. Berikut adalah jadual tren KTM Antarabandar bagi laluan Tumpat - Kuala Lumpur:-

<b>No. Tren</b>	<b>Laluan</b>	<b>Waktu Berlepas</b>	<b>Waktu Tiba</b>
28	Kuala Lumpur - Tumpat	8.30 malam	9.40 pagi
29	Tumpat - Kuala Lumpur	6.45 petang	7.55 pagi

Jadual tren berlepas diatur pada waktu malam kerana jarak perjalanan yang jauh dan mengambil masa yang lama untuk sampai ke destinasi. Untuk laluan ini, sebanyak 9 koc diatur bagi membawa penumpang ke setiap destinasi dituju. Jadual di bawah adalah komposisi koc bagi laluan ini beserta tambang bagi setiap koc:-

**SOALAN NO. 39**

Jenis Koc	Bilangan Koc	Tarif		Kanak-Kanak
		Dewasa	Kanak-Kanak	
Kabin Kelas Satu (2Plus)	1	<i>Upper Berth</i>	101.00	61.00
		<i>Lower Berth</i>	110.00	70.00
Kabin Kelas Dua Tempat Tidur (ADNS)	4	<i>Upper Berth</i>	49.00	32.00
		<i>Lower Berth</i>	55.00	38.00
Tempat Duduk Kelas Dua (ASC)	3	<i>Windows Seat</i>	43.00	26.00
		<i>Aisle Seat</i>	43.00	26.00
Tempat Duduk Kelas Ekonomi (AEC)	1	<i>Windows Seat</i>	31.00	18.00
		<i>Aisle Seat</i>	31.00	18.00

### SOALAN NO. 39

Jumlah penumpang bagi laluan ini menurun dari tahun 2007 sehingga 2010 disebabkan oleh kebanyakan penumpang beralih menggunakan kenderaan sendiri memandangkan infrastruktur jalan raya juga telah ditingkatkan. Berikut adalah jumlah penumpang mengikut kelas tambang dari tahun 2007 sehingga 2010:-

Tahun	Bilangan Penumpang			
	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Jumlah
2007	3,501	76,822	164,610	<b>244,933</b>
2008	4,833	78,715	153,306	<b>236,854</b>
2009	5,954	86,050	141,328	<b>233,332</b>
2010	5,286	96,017	126,021	<b>227,324</b>

Sekian, terima kasih.

### SOALAN NO: 33

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JOSOH

TARIKH: 23 NOVEMBER 2011

SOALAN:

**Tuan Haji Matulidi bin Haji Josoh [ Dungun ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah bilangan rakyat Malaysia yang berumur antara 16 hingga 30 tahun yang menganggur dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah

pengangguran.

PR-1243-L46829

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menjawab pertanyaan dari Y.B Dungun bertanyakan berapakah bilangan rakyat Malaysia yang berumur antara 16 tahun hingga 30 tahun yang menganggur, sehingga suku ke 2 tahun 2011 seramai 303,100 orang menganggur dari unjuran penduduk berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia tahun 2011 seramai 28,250,500 orang. Daripada jumlah itu, seramai



173,100 adalah lelaki manakala 130,000 adalah perempuan. Maklumat lanjut seperti rajah 1 :

**Rajah 1: Bilangan penganggur berumur 16 hingga 30 tahun mengikut jantina Malaysia bagi tahun 2005-2010 dan Q1-Q2/2011**

		Q1/2011 (000)	Q2/2011 (000)
Jumlah	301.3	298.2	303.1
Lelaki	178.	167.5	173.1
Perempuan	123.3	130.6	130.0

Sumber: Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Tuan Yang di-Pertua,

2. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Sumber Manusia bagi membantu golongan penganggur mendapatkan pekerjaan adalah seperti berikut:-

a. Program Penempatan Pekerjaan (3P)

Tujuan program 3P ini adalah untuk membantu pencari kerja mendapat pekerjaan dan membantu pihak majikan untuk mendapatkan pekerja. Program ini melibatkan aktiviti seperti Karnival Kerjaya, Temuduga Terbuka (*walk in interview*), Portal JobsMalaysia, Client Account dan lain-lain. Bagi tahun 2011, KSM telah menasaskan 120,000 penempatan pekerjaan melalui aktiviti-aktiviti di

bawah program 3P. Sehingga 4 November 2011

**Rajah 3: Program Khas Penempatan Pekerjaan**

sebanyak 183,528 penempatan telah berjaya  
dilaksanakan seperti pecahan berikut:

Rajah 2. Program Penempatan Pekerjaan (3P) Sehingga 4 November 2011

PENEMPATAN	<u>TAHUN</u>			
	<b>2008</b>			
<hr/> <b>Siswazah</b>	17,789	28,917	37,181	55,315



	Bukan Siswazah	37,539	68,154	73,058	128,213
	<b>JUMLAH</b>	<b>55,328</b>	<b>97,071</b>	<b>110,239</b>	<b>183,528</b>
	<b>PENEMPATAN 2011**</b>	<b>Penempatan</b>			<b>%</b>
<b>BIL</b>		<b>Siswazah</b>	<b>Bukan Siswazah</b>	<b>JUMLAH</b>	
	Portal JobsMalaysia Karnival Pekerjaan (95) <u>Penempatan Dengan Kerjasama</u>	5,774	7,734	13,505	7.4
	4 APS Temuduga Terbuka Penempatan Melalui <i>Client</i> <u>Rekomendasi</u> Melalui Kerjasama Agensi Luar Employability Programme	10,382	24,661	35,043	19.1
		11,735	8,585	20,320	11.1
		3,772	14,094	17,866	9.7
		9,828	48,428	58,256	31.8
		5,649	6,129	11,778	6.4
		870	0	870	0.5
		188	11,671	11,859	6.5
					1 BE
10	Integrasi JobsMalaysia Sektor Awam - SPA/SPP (Bagi tempoh Januari - April 2011)	7,112	3,627	10,739	5.9

**Peratus Pencapaian dari KPI (120,000 penempatan)**

**152.9%**

**Rajah 3: Program Khas Penempatan Pekerjaan**

***** ^		
1	Azam Kerja	2407
2	Skim Bantuan Geran Perniagaan OKU (SBGP OKU)	164
3	Home Working	530
4	Program Penjara (Banduan Pra Bebas)	0
5	Program Penempatan Golongan Khas Secara Manual (OKU, Bekas Penagih, Bekas Banduan, Ibu Tunggal, Warga Emas)	191
		<b>NMM</b>

2. Selain itu, Kerajaan melalui Kementerian-Kementerian lain juga membantu golongan menganggur antaranya adalah seperti berikut:

**a. Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M)**

Pada 1 Jun 2011, Kerajaan telah melancarkan program Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) yang bertujuan membantu para siswazah mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka. Di bawah skim tersebut, siswazah yang tidak mendapat kerja dalam tempoh enam bulan (purata) selepas tamat pengajian berpeluang menerima latihan dengan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) selama setahun. Mereka juga ditawarkan elaun berjumlah RM1.000, sebulan (purata) sepanjang tempoh latihan tersebut. Selain didedahkan

dengan kemahiran seperti '*soft skills*', siswazah berkenaan turut menerima latihan dalam kerja (*on job training*) dan akan dibantu untuk mencari kerja tetap selepas tamat latihan. Bagi fasa pertama pelaksanaannya, seramai 3000 orang siswazah akan menyertai program di bawah Bank Negara dan 25 GLC mengambil bahagian.

**b. Sektor perkhidmatan awam**

Melantik graduan menganggur untuk berkhidmat sebagai Pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Singkat dan Guru sandaran sehingga Disember 2011 dan diselaraskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam serta Kementerian Pelajaran;

**c. Program Latihan Graduan Industri pembinaan Oleh CIDB**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan industri pembinaan di Malaysia telah menyediakan program "Latihan Graduan Industri pembinaan" khusus bagi melatih graduan-graduan IPTA dan IPTS bidang pembinaan yang masih menganggur. Program tersebut menawarkan kursus selama 2 bulan dibidang Pengurusan Projek, Keselamatan & Kesihatan Pembinaan dan Penyeliaan Tapak Bina di mana ianya dijalankan di 6 Akademi Binaan Malaysia milik CIDB. Segala perbelanjaan kursus tersebut ditanggung sepenuhnya oleh CIDB termasuk penginapan, makan minum dan

pakaian kursus. Malah setiap peserta diberi elaun bulanan sebanyak RM500. Setelah tamat kursus adalah diharapkan setiap para peserta dapat menyertai sektor pembinaan dengan mendapatkan pekerjaan dengan kontraktor yang berkaitan. Sejak ianya dimulakan pada tahun 2007, sehingga Dis 2010 seramai 814 graduan telah menyertai program tersebut.

**d. MSC Malaysia *Knowledge Worker Development Initiative*  
Oleh MOSTI**

i. MSC Malaysia KDI adalah inisiatif MDeC yang bertujuan melahirkan tenaga kerja yang mahir dan relevan untuk memenuhi permintaan pihak industri. Antara program yang disediakan di bawah MSC Malaysia KDI 2011 adalah Program Kemahiran Siswazah (USP), Program Apprentis dan Pembangunan Siswazah (UGRAD), Program Latihan Graduan (GTP), Program Kem Kerjaya (Job Camp), Program Kerjasama antara Industri dan Akademia (IAC). Program-program ini

menyediakan kursus latihan serta latihan dalam kerjaya kepada golongan siswazah dan lepasan graduan.

ii. Antara fokus bidang dan kemahiran termasuklah Teknologi Maklumat, *Shared Services and Outsourcing* (SSO), Kejuruteraan Elektronik dan Multimedia Kreatif. Sehingga 31 Mac 2011, MDeC telah berjaya melatih seramai 36,318 graduan. Daripada jumlah graduan yang dilatih pada 2010, sekitar 93 peratus telah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas menjalani latihan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATO' HAJI WAN ABD.RAHIM BIN WAN  
ABDULLAH (KOTA BHARU)

TARIKH 23 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN:

**Dato' Haji Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah** minta **PERDANA**

**MENTERI** menyatakan perkembangan terkini urusan Persempadanan

Semula Bahagian Parlimen dan Negeri.

JAWAPAN: (Y.B Dato' Seri Mohamed Nazri Bin Tan Sri Abdui Aziz)

Tuan Yang Dipertua,

**SOALAN NO. 36**

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang melaksanakan kerja-kerja pentadbiran sebagai persiapan awal untuk memulakan kajian urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Kerja-kerja tersebut membabitkan pengumpulan maklumat-maklumat pembangunan, pertambahan penduduk, pertambahan bilangan pengundi semasa dan seterusnya menyediakan draf laporan awal urusan persempadanan sebelum ianya dikemukakan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri berdasarkan peruntukan Seksyen 4 Bahagian II Jadual ke Tiga Belas Perlembagaan.

Mengikut peruntukan Perkara 113 (2) (iii) Perlembagaan Persekutuan selepas SPRewartakan tempoh bermulanya urusan persempadanan, kajian persempadanan semula tersebut hendaklah disiapkan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh bermulanya kajian semula itu.

Sekian, terima kasih.



**SOALAN : 35**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN  
KEDUA BELAS, TAHUN 2011 PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK AARON AGO**

**ANAK DAGANG (KANOWIT)**

**TARIKH : 23.11.2011**

**SOALAN**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**

**menyatakan jumlah peruntukan untuk mengatasi masalah kekurangan air di Sarawak. Apakah langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.**



**Jawapan:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, sejumlah RM1.3 billion telah diperuntukkan bagi program BALB Negeri Sarawak di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Peruntukan yang diluluskan ini dijangka akan dapat memberi manfaat kepada 89,903 buah rumah.**

**Bagi menampung kekurangan bekalan air bersih di Sarawak, Kementerian kini sedang dan akan menaiktaraf 9 buah loji rawatan air di Sarawak seperti berikut :**

- i. Loji Air Selangau;**
- ii. Loji Air Kapit;**
- iii. Loji Air Serian;**
- iv. Loji Air Belaga;**
- v. Loji Air Matu/Daro;**
- vi. Loji Air Punang;**
- vii. Loji Air Saratok;**
- viii. Loji Air Lubau; dan**
- ix. Loji Air Suai Kompleks**

**Daripada sembilan loji tersebut tujuh buah loji dijangka akan siap pada penghujung tahun 2012 dan 2 loji lagi dijangka akan siap dalam tahun 2013.**

**V40- SoALA\*-)**

**• 36 NQrAUM :**

44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT  
[KUALA TERENGGANU]

DARIPADA : 23 NOVEMBER 2011

TARIKH : 4212

RUJUKAN :  
LISAN

SOALAN:

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [ Kuala Terengganu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan susulan Kementerian terhadap Akhbar Star yang menyiarkan iklan yang menyinggung perasaan umat Islam pada bulan Ramadhan yang lalu. Adakah sekadar amaran dan tiada tindakan susulan terhadap akhbar ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Terengganu yang mengemukakan soalan.

Kementerian Dalam Negeri bertindak ke atas akhbar-akhbar berdasarkan peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 serta Syarat-syarat Permit Penerbitan.

Dalam kes akhbar The Star, Kementerian telah memanggil Ketua Pengarang Kumpulan akhbar berkenaan untuk menyampaikan pandangan dan amaran mengenai penyiaran iklan yang menggemparkan fikiran orang ramai bertajuk '*Ramadan Delights*' pada keluaran 10 Ogos 2011 yang menyentuh sensitiviti agama, boleh mencetuskan keresahan masyarakat dan menjejaskan ketenteraman awam. Susulan itu, Kementerian telah mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada akhbar tersebut pada 11 Ogos 2011. Ianya dibuat selaras dengan Seksyen 7(1), Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Sebagai langkah pencegahan bagi memastikan media tidak mencetuskan isu perkauman ataupun agama Kerajaan telah mengadakan Garis Panduan Penerbitan, menganjurkan sesi pertemuan dengan ketua editor. Kerajaan juga akan mengambil tindakan perundangan berdasarkan undang-undang yang berkuatkuasa untuk memastikan tiada laporan yang tidak benar dibuat.

: 1037

SOALA  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAYU  
NOMOR:  
19

PERTANYAAN                      JAWAB LISAN

DARIPADA                        TUAN CHARLES ANTHONY A/L  
R. SANTIAGO [ KLANG ]

TARIKH                             23 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN

Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [ Klang ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan tindakan yang akan diambil terhadap TV1 yang menggunakan berita Perdana untuk mengaitkan dan memburukkan nama beberapa Ahli Parlimen pembangkang dengan *FB (facebook) 'Murtads in Malaysia and Singapore'* tanpa asas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan laman sosial *Facebook* adalah tertakluk kepada terma-terma perkhidmatan yang digariskan oleh pihak *Facebook* sendiri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua jenis kandungan berangkai termasuk kandungan laman web di Internet adalah tertakluk kepada undang-undang negara seperti Akta Hasutan 1948, Kanun



Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa perihatin dan mengambil berat tentang masalah dadah dalam kalangan murid-murid sekolah. Bagi mengesan murid-murid yang terlibat dengan masalah dadah, KPM telah melaksanakan ujian urin dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan berdasarkan SubSeksyen 65(1) dan SubSeksyen 65(2) Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Surat Siaran Bahagian Sekolah, KP(BS/HEP)8543/064(36) bertarikh 24 Julai 1998 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.4/2010, KP(BPSH/SPDK)201/005/01/(44) bertarikh 8 Februari 2010. Ujian urin ini merupakan mekanisme pengesanan awal yang digunapakai untuk mengukur tahap penglibatan murid dalam penggunaan dadah.

Ujian urin ini dilaksanakan kepada murid-murid sekolah menengah yang berada dalam sistem pendidikan kebangsaan. Sekolah-sekolah terlibat adalah dalam kalangan sekolah-sekolah berisiko dan berpotensi risiko daripada sekolah-sekolah yang berada dalam kawasan berisiko. Pelaksanaan ujian urin kepada murid-murid sekolah ini adalah bertujuan untuk memberi pendidikan dan bimbingan supaya penglibatan mereka dapat dikekang pada peringkat awal sebelum mereka menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atau memasuki pasaran kerja.

Pada tahun 2009, sebanyak 42,189 orang murid sekolah menengah pelbagai tingkatan telah diuji di seluruh negara. Daripada jumlah ini, 36,101 atau 85.6% adalah murid lelaki manakala 6,088 orang atau 14.4% adalah murid perempuan. Daripada jumlah yang diuji didapati, seramai 170 orang murid telah didapati positif diperingkat makmal terlibat dengan pelbagai jenis dadah. Manakala pada tahun 2010 pula, sebanyak 42,650 orang murid sekolah menengah telah diuji di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 36,737 atau 86.1% adalah murid lelaki manakala 5,913 orang atau 13.9% adalah murid perempuan. Daripada jumlah yang diuji didapati seramai 261 orang murid telah didapati positif di peringkat makmal terlibat dengan pelbagai jenis dadah.



**Soalan No : 40**

Bagi tahun 2011 pula, sehingga Jun 2011 sebanyak 39,361 orang murid telah diuji yang melibatkan seramai 34,521 orang murid lelaki dan 4,840 orang murid perempuan. Daripada jumlah tersebut, seramai 93 orang murid telah dikesan positif pelbagai jenis dadah.

Murid-murid yang didapati positif ujian urin akan diberikan bimbingan kaunseling dan pemantauan oleh kaunselor sekolah. Di samping itu, murid-murid ini juga akan dilibatkan dalam program-program intervensi seperti Program Intervensi Pelajar dan Program Waja Diri.

Rjm 104

No. Soalan : 39

[39]PR-1243-

L46155

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN BAGI  
JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
MALAYSIA**

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	YB DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN [ PENDANG ]
TARIKH	23 NOVEMBER 2011
SOALAN	Dato' Haji Mohd Hayati bin Othman [Pendang] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang meninggal dunia di dalam misi bertugas di bawah panji PBB di luar negara dan juga misi bantuan mengikuti program anjuran NGO negara ini di luar negara sehingga kini

mengikut negara mereka dihantar  
beroperasi.

Tuan Yang Di Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pendang di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam tempoh 51 tahun penglibatan Malaysia dalam misi pengaman PBB dan juga semasa misi bantuan mengikuti program anjuran NGO, seramai 27 orang anggota misi kita telah terkorban dan banyak lagi yang telah tercedera.

3. Jumlah ini adalah termasuk Allahyarham saudara Nuramfaizul Mohd Nor, jurukamera BERNAMA yang meninggal dunia di Somalia pada bulan Ogos yang lepas.

4. Sesungguhnya pengorbanan mereka ini haruslah kita jadikan dorongan supaya kita berusaha dengan lebih gigih untuk memainkan peranan yang aktif demi menyumbang kepada keamanan dan kemakmuran masyarakat dunia.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD. TAIB (BALING)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23.11.2011**

**Y.B. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD. TAIB [ BALING ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dasar dan asas pertimbangan kelulusan untuk mendapatkan Rumah Mesra Rakyat, dan sehingga kini (2011) berapa buah telah diluluskan dalam kawasan Parlimen Baling mengikut pecahan Dewan Undangan Negeri (Bayu, Kupang, Kuala Ketil).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dasar dan asas pertimbangan untuk mendapatkan kelulusan bagi pembinaan Rumah Mesra Rakyat adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

Warganegara Malaysia dan berumur 18 dan tidak melebihi 65 tahun;

Pendapatan kasar seisi rumah tidak melebihi RM1,500 sebulan;

Ibu / bapa tunggal yang mempunyai tanggungan;

Tidak mempunyai rumah sendiri atau mempunyai rumah yang usang / tidak sempurna; dan

Mempunyai tanah / tapak yang bersesuaian dan tiada sekatan / cagaran ke atasnya. Jika tanah bukan kepunyaan pemohon, Surat Akuan / Kebenaran Berkanun dari tuan tanah diperlukan untuk membina dan menggadai tanah

**NO SOALAN :44**

tersebut kepada SPNB.

Sehingga kini, permohonan yang telah diluluskan di kawasan Parlimen Baling mengikut pecahan Dewan Undangan Negeri (Bayu, Kupang dan Kuala Ketil) adalah seperti berikut:

DUN	PERMOHONAN YANG DILULUSKAN
Bayu	272
Kupang	98
Kuala Ketil	14
<b>JUMLAH</b>	<b>384</b>



**NO SOALAN :44**